

BAB 3

Metodologi

Pengenalan

Kaedah kajian memainkan peranan yang penting dalam apa jua bentuk kajian yang dibuat untuk menentukan satu keputusan yang sah dan boleh dipercayai tanpa mengira sama ada ia menolak atau menerima hipotesis. Pengumpulan data dan penganalisisan data juga merupakan aspek penting untuk mencapai sesuatu keputusan. Oleh sebab kajian ini bersifat kualitatif, maka banyak alat telah digunakan untuk mendapatkan data dengan pelbagai cara.

Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan bentuk eksperimen ‘one-group pre-test post-test design’ atau bentuk ujian-pra ujian-pos satu kumpulan seperti dalam jadual 1 di bawah .

Jadual 1 : Bentuk Eksperimen Ujian-pra Ujian-pos Satu Kumpulan

Pre-test	Rawatan	Post-test
T1	X	T2

(sumber : Issaac, S dan Micheal W. B. 1984, ms. 64)

Petunjuk : T1 : Ujian-pra
T2 : Ujian-pos
X : Rawatan

Subjek kumpulan (T1) seperti dalam jadual 1 telah diberi ujian-pra. Skor subjek kajian dicatat sebelum kumpulan eksperimen diberi rawatan (X). Rawatan yang dimaksudkan ialah latihan kemahiran sosial dalam bentuk modul (Lampiran B). Modul ini telah dijalankan sebanyak 3 bahagian dengan 6 sesi perjumapaan. Bagi setiap sesi memakan masa selama satu hingga dua jam. Latihan kemahiran sosial ini dibuat secara '*marathon*' pada satu hari dalam seminggu. Pembolehubah yang digunakan untuk tujuan membuat perbandingan diantara kedua-dua skor ujian-pra dan ujian-pos ialah konsep kendiri yang didapati melalui soal selidik *Tennessee Self-Concept Scale* (TSCS) senarai semak sebelum dan selepas rawatan diberikan. Skor ujian-pra dan ujian-pos ke atas konsep kendiri telah dianalisis untuk melihat sebarang perubahan. Satu perubahan yang signifikan di antara dua skor ini merupakan hasil latihan kemahiran sosial tersebut.

Dalam proses rawatan diberikan kepada sampel kajian, kaedah untuk mendapatkan data yang paling penting ialah melalui pemerhatian. Pemerhatian ini melibatkan pemerhatian terhadap perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan yang berada dalam situasi terkawal atau bebas. Semasa proses pemerhatian catatan pemerhatian yang dibuat secara sistematik perlu dilakukan untuk mendapatkan pemerhatian yang tepat.

Instrumentasi

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu bergantung kepada cara data hendak diperoleh. Alat yang utama ialah borang siasatan iaitu soal selidik dan senarai semak.

Soal Selidik

Soal selidik yang digunakan terdapat dua bahagian iaitu soal selidik latar belakang dan satu lagi ialah Tennessee Self-Concept Scale (TSCS) yang mengandungi 50 item. Alat ini telah diubahsuai oleh Chiam (1976) dengan menggunakan teknik “*back translations*”. Banyak kajian telah mengakui kesahan dan kebolehpercayaan faktor TSCS ini adalah tinggi. Item-item dalam TSCS yang diubahsuai adalah berbentuk jawapan tertutup dan terdapat lima pilihan jawapan seperti dalam jadual 2.

Jadual 2 : Pilihan Jawapan Dan Cara Permarkahan Bagi Item-item

Jawapan / Gerakbalas	Positif	Negatif
1. Tidak benar sama sekali	1	5
2. Tidak benar	2	4
3. Ada benar dan ada tidak	3	3
4. Benar	4	2
5. Sangat benar	5	1

Jumlah markat keseluruhannya digunakan untuk menilai subjek sama ada ia mempunyai konsep kendiri tinggi atau rendah. Ini dilakukan dengan membandingkan markat yang diperolehi dengan jumlah markat dalam nilai taraan. Konsep kendiri tinggi dinilai pada nilai markat melebihi 164, manakala penentuan konsep kendiri rendah jumlah markat kurang daripada 164.

Bagi menentukan kendiri positif atau negatif item-item dalam TSCS dipecahkan seperti berikut:

Jadual 3 : Rumusan Item-item TSCS Berdasarkan Kepada Dimensi Kendiri Dan Nilai Positif Atau Negatif

Dimensi kendiri	positif	negatif
Keluarga	7, 8, 19, 32, 46	20, 21, 33, 47, 48
Peribadi	11, 16, 18, 30, 43	3, 23, 31, 40, 44
Fizikal	1, 2, 13, 34, 24, 37	14, 26, 38, 39
Sosial	5, 6, 10, 34, 35	9, 22, 36, 49, 50
Moral etika	4, 15, 27, 28, 45	12, 17, 29, 41, 42

Bagi menentukan sama ada individu tersebut mempunyai skor positif atau negatif mengikut kelima-lima dimensi ialah dengan membandingkan markat yang diperoleh dengan nilai taraan (min kedua-dua markat positif dan negatif). Sekiranya jumlah markat yang dikira mempunyai min 18, dan skor markat positif ialah 20 dan skor markat negatif 16, maka dimensi kendirinya ialah positif. Begitulah sebaliknya jika markat negatif lebih tinggi, maka individu itu mempunyai kendiri negatif.

Realibiliti dan Validiti

Aspek realibiliti dan validiti, TCSC telah digunakan dalam berbagai kajian. Diantaranya Chiam (1975), Meriam Abdul Karim (1983), dan Mos @ Puspa AK Sinus (1991) yang telah melakukan kajian ke atas pelajar sekolah menengah. Prakesh Kaur (1977) telah menggunakan untuk kaum Sik di Kuala Lumpur.

Realibiliti dan validiti terhadap ujian ini telah dikaji oleh Chiam (1976) dan mendapat keputusan yang tinggi iaitu realibiliti pada aras 0.8 hingga 0.9 manakala validiti adalah pada aras 0.63 hingga 0.85. Berdasarkan kajian terdahulu

yang telah dibuat di Malaysia, maka alat ini sesuai sekali digunakan dalam kajian ini.

Senarai Semak

Borang siasatan yang kedua ialah senarai semak iaitu senarai semak penilaian modul bagi setiap aktiviti yang diisi oleh sampel, senarai semak penilaian oleh pembimbing bagi setiap sampel dalam semua aktiviti, dan senarai semak penilaian daripada guru dan ibu bapa.

Melalui bentuk pemerhatian pula, alat yang digunakan untuk mengumpul data ialah melalui rakaman perbualan setiap aktiviti semasa sesi sedang berjalan. Di samping itu, temubual juga diadakan secara langsung dan tidak lansung dengan sampel kajian. Menurut Mohd Majid Koting (1994), temubual merupakan kaedah apabila subjek dan penyelidik hadir sama di dalam proses memberi maklumat. Kebiasaannya temubual digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan faktta kepercayaan, perasaan, dan kehendak yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif dalam penyelidikan.

Modul Latihan

Modul latihan merupakan instrumentasi yang penting dalam kajian ini. Ia telah disediakan berdasarkan matlamat kajian ini dilakukan. Terdapat 6 aktiviti dan setiap 2 aktiviti dilaksanakan dalam satu hari dalam jangka masa dua jam (Lampiran C). Kesemua aktiviti tersebut menekankan kepada pendedahan kendiri diri, yang berkaitan dengan rakan dan juga keluarga subjek. Melalui perlaksanaan modul ini kaedah pemerhatian dibuat untuk melihat subjek secara lebih terperinci seperti tingkahlaku, pergaulan, dan penyertaannya dalam menjalankan aktiviti.

Tempat Kajian

Kajian ini telah dilakukan di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak. Sekolah ini dipilih kerana pencapaian akademiknya yang agak sederhana. Selain itu, pelajar-pelajar dari sekolah ini kebanyakannya adalah Melayu dan pendatang Indonesia. Mereka terdiri daripada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah yang tinggal di kawasan setinggan di sekitar sekolah.

Subjek Kajian

Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Jumlah subjek yang terlibat dalam kajian ini ialah 10 orang. Kumpulan subjek ini terdiri daripada lelaki dan perempuan daripada latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza. Sampel kajian telah dipilih di kalangan pelajar yang lemah dalam akademik berdasarkan ujian pertengahan tahun yang telah mereka lalui. Prestasi akademik yang dikatakan lemah ialah hanya lulus kurang daripada 5 matapelajaran berbanding 8 yang mereka ambil. Sepuluh orang subjek yang terpilih ini juga telah dikenalpasti sebagai pelajar yang lemah dalam akademik dan berpotensi untuk meningkatkan prestasi dalam peperiksaan yang sebenar sekiranya dapat diberikan rawatan yang sistematis.

Tatacara Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan tatacara seperti berikut :

1. Mengadakan perbincangan serta mendapatkan kebenaran daripada pengetua sekolah di mana kajian ini hendak dijalankan.
2. Mengenal pasti pelajar yang gagal dalam peperiksaan pertengahan tahun 1999.
3. Menjalankan ujian-pra kepada 10 orang sampel terpilih.
4. Menjalankan latihan kemahiran bersosial kepada kumpulan eksperimental.
5. Memberi ujian-pos kepada kumpulan eksperimental
6. Pengumpulan dan penganalisisan data-data.

Penganalisisan Data

Bagi borang TSCS proses analisis data akan dibuat menggunakan program SPSS (Statistical Package For Social Sciences) untuk menentukan skor konsep kendiri pelajar.

Sementara itu bagi alat kajian yang lain dianalisis secara perbandingan dapatkan sebelum dan selepas rawatan diberikan.